

SULIT



**SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM**  
**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SABAH**  
**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2017**  
1223/1  
**PENDIDIKAN ISLAM**  
**Kertas 1**  
**2 Jam**

**Dua Jam**

---

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN**  
**SPM 2017**  
**PENDIDIKAN ISLAM**  
**(MODUL 2)**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. ***Bahagian A** mengandungi **40** soalan. Jawapan anda hendaklah menggunakan ruangan jawapan yang disediakan.*
3. ***Bahagian B** mengandungi **empat** soalan subjektif. Jawab **tiga** soalan: **Soalan 1**, **Soalan 2** dan mana-mana **satu** soalan daripada **Soalan 3** atau **Soalan 4**. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam helaian tambahan yang disediakan.*
4. *Tulis **nombor kad pengenalan** dan **angka giliran** anda pada ruangan yang disediakan.*
5. *Ikat kertas jawapan bersama-sama helaian tambahan dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

*[Lihat halaman sebelah*

**SULIT**

## SULIT

### Bahagian A

[40 markah]

Jawab **semua** soalan.

#### Soalan 1 hingga Soalan 20

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C dan D. Hitamkan** jawapan yang tepat pada kertas jawapan yang disediakan.

1 Semua yang berikut perbuatan dosa besar **kecuali**

- A melawan cakap ibu bapa
- B menipu dalam peperiksaan
- C melihat aurat bukan mahram
- D menceritakan keburukan kawan

2 Pilih pernyataan yang benar mengenai syirik

- A Menyekutukan Allah SWT dengan makhluk.
- B Berpura-pura beriman kepada Allah SWT.
- C Mempercayai perkara-perkara karut.
- D Menolak hukum Allah SWT.

3 Akibat munafik terhadap individu ialah

- A melemahkan perpaduan.
- B menghalang pembangunan.
- C mengganggu ketenteraman jiwa.
- D menghilangkan sikap berkerjasama.

4 Contoh kufur nikmat ialah

- A Mengagumi diri sendiri.
- B melakukan pembaziran.
- C menunjuk-nunjuk kehebatan diri.
- D menyatakan solat fardhu merugikan masa.

Beriktikad bahawa perbuatan manusia adalah dilakukan oleh manusia bukan Allah
---

5 Pernyataan di atas merujuk kepada iktikad

- A Syiah Imamiyah
- B Syiah Zaidiyah
- C Syiah Batiniyah
- D Syiah Rafidah

## SULIT

6 Berikut ialah rukun gadaian **kecuali**

- A penggadai menjelaskan hutang
- B pemegang gadaian
- C barang gadaian
- D ijab dan qabul


- Hukum asalnya sunat tetapi menjadi wajib dalam keadaan tertentu
- Menanggguhkan bayaran hukumnya haram jika mampu

7 Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Syarikat
- B Gadaian
- C Insurans
- D Hutang

8 Mahar musamma ialah mahar yang diberi oleh suami kepada isteri mengikut persetujuan

- A pihak keluarga suami.
- B pihak keluarga isteri.
- C kedua-dua pihak.
- D pengantin.



9 **P** ialah

- A Tahnik
- B Selawat
- C Tanam uri
- D Baca berzanji

10 Berikut merupakan syarat orang yang mendapat hadhanah

- I Dewasa iaitu berusia matang hingga melayakkanya memberi jagaan
  - II Memiliki harta yang banyak dan paras rupa yang menarik
  - III Berakhlak mulia dan memelihara kehormatan diri
  - IV Islam tidak sah hadhanah bagi orang kafir
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV

## SULIT

- 11 Antara yang berikut manakah hari-hari tasyrik?
- A 10, 11 dan 12 Zulhijjah
  - B 11, 12 dan 13 Zulhijjah
  - C 9, 10, 11 dan 12 Zulhijjah
  - D 10, 11, 12 dan 13 Zulhijjah
- 12 Pernyataan berikut bukan syarat sah upah haji
- A Lelaki wajib diwakili oleh lelaki dan perempuan oleh perempuan.
  - B Wakil disyaratkan telah menunaikan haji bagi dirinya terlebih dahulu.
  - C Upah haji boleh dilaksanakan oleh warisnya bagi yang telah meninggal dunia.
  - D Upah haji boleh dilaksanakan oleh orang hidup tetapi mengalami uzur syarie.
- 13 Antara yang berikut manakah fungsi sebenar Baitul Hikmah?
- I Pusat latihan para ilmuan
  - II Pusat pengajian kanak-kanak
  - III Pusat pertemuan para sarjana
  - IV Pusat pengurusan wang zakat
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D II dan IV
- 14 Berikut adalah benar struktur organisasi ketenterana kerajaan Abbasiyah
- A Al-Wazir → Al-Khalifah → Dewan al-Jundi
  - B Al-Khalifah → al-Wazir → Dewan al-Jundi
  - C Al-Khalifah → Dewan al-Jundi → al-Wazir
  - D Dewan al-Jundi → Al-Khalifah → al-Wazir
- 15 Kota Madinah menjadi pusat pentadbiran kerajaan Khulafa al-Rasyidin kerana
- A tidak ada wilayah baru yang sesuai untuk dijadikan pusat pentadbiran.
  - B wasiat daripada Rasulullah SAW kepada saidina Abu Bakar as-Siddiq.
  - C ianya kesinambungan kerajaan Islam Madinah pimpinan Rasulullah SAW.
  - D telah diputuskan bersama oleh para sahabat dalam mesyuarat Majlis Syura.
- 16 Berikut ada murid kepada Ibnu Khaldun
- A Rasyid Redha
  - B Syeikh al-Hadi
  - C Ahmad bin al-Qasari
  - D Taqiyuddin al-Maqrizi

**SULIT**

“Janganlah belajar dengan empat golongan manusia, iaitu orang yang buruk akhlak, menurut hawa nafsu, mendustakan hadis dan suka beramal dengan fadhail sedangkan tidak berilmu.”

17 Pernyataan di atas telah diungkapkan oleh

- A Imam Syafie r.a
- B Imam Malik r.a
- C Imam Abu Hanifah r.a
- D Imam Ahmad bin Hanbal r.a

18 Pilih pernyataan yang benar

	Hukum	Pernyataan
A	Harus	Bermusafir ke Masjid al-Haram dan Masjid al-Aqsa
B	Sunat	Bermusafir ke Mekah untuk menunaikan fardu haji
C	Wajib	Bermusafir ke mana sahaja yang dibenarkan syarak
D	Makruh	Bermusafir tanpa tujuan dan matlamat yang tertentu

19 Antara berikut manakah benar bahagian berjihad memperbaiki diri

- I Mengamalkan ajaran Islam jika perlu
  - II Sabar dan ikhlas menyebarkan Islam
  - III Mempelajari Islam kerana terpaksa
  - IV Sentiasa menyebarkan ilmu agama
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan III
  - D II dan IV

Berniaga dengan sebaik mungkin dan tidak sekadar mementingkan keuntungan semata-mata.

20 Pernyataan di atas merujuk kepada adab berniaga

- A Ihsan
- B Amanah
- C Kerjasama
- D Melindungi hak

## SULIT

### Soalan 21 hingga Soalan 40

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

- 21 \_\_\_\_\_ ialah kepercayaan dan perbuatan karut yang dianggap mempunyai hubungan dengan Islam.
- 22 Sebagai seorang anak \_\_\_\_\_ mentaati dan berbuat baik terhadap ibu bapa meskipun berlainan pegangan agama.
- 23 Khawarij ialah golongan yang membelot kepada \_\_\_\_\_ kerana beliau menerima Majlis Tahkim.
- 24 Mengharuskan perzinaan melalui konsep nikah batin antara ciri-ciri ajaran \_\_\_\_\_.
- 25 Orang beriman akan dapat merasakan kemanisan iman apabila mengasihi sesama manusia kerana \_\_\_\_\_.
- 26 Zihar ialah apabila suami menyamakan mana-mana anggota isterinya dengan ibunya atau perempuan yang \_\_\_\_\_ baginya.
- 27 Haram selamanya mengahwini perempuan disebabkan faktor keturunan, penyusuan dan \_\_\_\_\_.
- 28 Sistem insurans yang mengikut syariat ialah insurans yang berasaskan kepada konsep \_\_\_\_\_ yang bermaksud jamin menjamin atau saling pelihara memelihara.
- 29 Orang Islam yang menunaikan haji diharuskan memilih sama ada hendak melakukan haji secara ifrad, tamattuk dan \_\_\_\_\_.
- 30 Ketegasan Khulafa' ar-Rasyidin mendaulkan Islam dapat dilihat seperti khalifah \_\_\_\_\_ yang tidak tunduk dengan golongan pemberontak yang mahu beliau meletakkan jawatan.
- 31 Imam Syafie mula-mula belajar al-Quran ketika berusia \_\_\_\_\_ tahun.

**SULIT**

32 Syeikh Muhammad Abduh pernah memegang jawatan sebagai \_\_\_\_\_ di mahkamah rayuan Mesir.

33 \_\_\_\_\_ pernah menyambung pelajaran beliau dalam jurusan ilmu falak di Universiti al-Azhar.

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Bersugi atau menggosok gigi</li><li>• Menyikat rambut dan memakai minyak wangi</li></ul> |
|--|

34 Pernyataan berikut merujuk kepada adab \_\_\_\_\_.

35 Rasulullah SAW menggunakan cara berhikmah dalam dakwah iaitu pendekatan \_\_\_\_\_ mengikut tempat dan situasi.

<b>Q</b>	Berlaku adil	Menyediakan keperluan asas
----------	--------------	----------------------------

36 Rajah di atas adalah antara tanggungjawab pemimpin terhadap rakyat.

Q dalam rajah ialah \_\_\_\_\_.

**Soalan 38 hingga Soalan 40**

*Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang disediakan dalam jadual di bawah.*

tidak sah	harus	wajib	makruh	sah
-----------	-------	-------	--------	-----

37 Tawaf wadak \_\_\_\_\_ dilakukan oleh orang yang hendak meninggalkan Mekah.

38 Peminangan secara sindiran oleh seorang lelaki kepada perempuan yang dalam idah kematian suami adalah \_\_\_\_\_.

39 \_\_\_\_\_ menggunakan alat atau pisau yang tumpul untuk menyembelih binatang.

40 Ulama Syafie menyatakan korban yang dilakukan sebelum sembahyang hari raya Aidiladha adalah \_\_\_\_\_.

# SULIT

## Bahagian B

[60 markah]

Jawab **tiga** soalan: **Soalan 1, Soalan 2** dan mana-mana **satu** soalan berikutnya.

- 1 (a) Umat Islam dilarang melakukan dosa serta perkara yang boleh membatalkan keimanan.
- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan perbuatan sihir? [2 markah]
  - (ii) Jelaskan **dua** akibat buruk sekiranya syirik khafi dilakukan dalam kehidupan. [4 markah]
  - (iii) Terangkan **dua** sebab perbuatan qazaf dilarang dalam kehidupan bermasyarakat. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan maksud Ahli Sunnah Waljamaah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** prinsip akidah Ahli Sunnah Waljamaah. [4 markah]
  - (iii) Jelaskan pandangan mazhab Ahli Sunnah Waljamaah terhadap isu tersebut;-
    - (a) Melihat Allah SWT
    - (b) Al-Quran bukan makhluk [4 markah]
- 2 (a) Jual beli adalah pertukaran barang dengan barang mengikut cara tertentu.
- (i) Nyatakan **dua** rukun jual beli. [2 markah]
  - (ii) Jelaskan **dua** syarat ijab dan kabul bagi urusan jual beli. [4 markah]
  - (iii) “Saya jual kereta ini kepada awak, sekiranya saya berjaya ke luar negeri.”  
Bincangkan situasi di atas. [4 markah]
- (b) Islam mengatur keseluruhan aspek kehidupan manusia termasuklah berkaitan perkahwinan demi menjaga kepentingan umatnya.
- (i) Nyatakan **dua** golongan wanita yang haram dikahwini disebabkan persemendaan. [2 markah]
  - (ii) Jelaskan **dua** tujuan dibenarkan melihat bakal isteri sebelum berkahwin. [4 markah]



## SULIT

- (iii) Nyatakan hukum dan alasan bagi situasi berikut;-
- (a) Encik Syukri telah berpoligami dengan mengahwini seorang wanita tanpa mendapat keizinan isteri pertamanya.
  - (b) Isteri Hamdan telah mengaku keluar daripada agama Islam pada tahun kedua perkahwinan mereka.
- [4 markah]

3 (a) (i) Nyatakan maksud Khulafa al-Rasyidin. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** kesan positif daripada kepimpinan khulafa al-Rasyidin. [4 markah]

(b) Imam Bukhari telah berjaya mengumpulkan 600,000 hadis dalam Sahih Bukhari.

(i) Jelaskan syarat yang diletakkan beliau bagi menentukan sesuatu hadis sebagai sahih. [2 markah]

(ii) Senaraikan **dua** karya Imam Bukhari selain Sahih Bukhari. [2 markah]

(c) (i) Berikan **dua** adab dengan Rasulullah selain daripada berselawat. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** kesan buruk tidak mengamalkan sunnah Rasulullah SAW terhadap individu. [4 markah]



*Sebahagian kakitangan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah berarak bersama kontijen perarakan sambil berselawat sempena Sambutan Maulidur Rasul dari Stadium Hang Tuah ke Dataran Pusat Islam Melaka, semalam.*

*UTUSAN/AZLI AHAD*

(iii) Berdasarkan gambar di atas.

Terangkan bagaimanakah cara menyemarakkan sambutan Maulidur Rasul di sekolah anda. [4 markah]

## SULIT

- 4 (a) Kerajaan Umayyah banyak memberi sumbangan kepada Tamadun Islam dengan melakukan beberapa pembaharuan dalam bidang ketenteraan dan bidang pendidikan.
- (i) Nyatakan pembaharuan yang telah dilaksanakan oleh khalifah Abdul Malik bin Marwan dalam bidang ketenteraan. [2 markah]
  - (ii) Muawiyah bin Abi Sufian telah mengikut corak gerakan tentera Parsi dengan membahagikan kepada lima pasukan dalam angkatan tenteranya.  
Nyatakan **empat** pasukan tentera tersebut. [4 markah]
- (b) Syeikh Muhammad Abduh adalah tokoh Islah yang agung.
- (i) Jelaskan sebab beliau dibuang negeri pada tahun 1882M? [2 markah]
  - (ii) Nyatakan **dua** sifat peribadi Syeikh Muhammad Abduh yang boleh dicontohi oleh pelajar. [2 markah]
- (c) Orang yang sentiasa mengingati Allah SWT tidak akan lalai walaupun berada dalam kehidupan yang mewah.
- (i) Nyatakan **dua** contoh lafaz zikir. [2 markah]
  - (ii) Terangkan **dua** hikmah beradab ketika berzikir. [4 markah]
  - (iii) Budaya K-Pop yang melalaikan amat mempengaruhi remaja masa kini.  
Berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan anda untuk mengatasi masalah tersebut. [4 markah]

## KERTAS SOALAN TAMAT

KERTAS JAWAPAN UNTUK BAHAGIAN A

Nama Calon : \_\_\_\_\_ Tingkatan : \_\_\_\_\_

No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_ Angka Giliran : \_\_\_\_\_

- 1 (A) (B) (C) (D)
- 2 (A) (B) (C) (D)
- 3 (A) (B) (C) (D)
- 4 (A) (B) (C) (D)
- 5 (A) (B) (C) (D)
- 6 (A) (B) (C) (D)
- 7 (A) (B) (C) (D)
- 8 (A) (B) (C) (D)
- 9 (A) (B) (C) (D)
- 10 (A) (B) (C) (D)
- 11 (A) (B) (C) (D)
- 12 (A) (B) (C) (D)
- 13 (A) (B) (C) (D)
- 14 (A) (B) (C) (D)
- 15 (A) (B) (C) (D)
- 16 (A) (B) (C) (D)
- 17 (A) (B) (C) (D)
- 18 (A) (B) (C) (D)
- 19 (A) (B) (C) (D)
- 20 (A) (B) (C) (D)

- 21 \_\_\_\_\_
- 22 \_\_\_\_\_
- 23 \_\_\_\_\_
- 24 \_\_\_\_\_
- 25 \_\_\_\_\_
- 26 \_\_\_\_\_
- 27 \_\_\_\_\_
- 28 \_\_\_\_\_
- 29 \_\_\_\_\_
- 30 \_\_\_\_\_
- 31 \_\_\_\_\_
- 32 \_\_\_\_\_
- 33 \_\_\_\_\_
- 34 \_\_\_\_\_
- 35 \_\_\_\_\_
- 36 \_\_\_\_\_
- 37 \_\_\_\_\_
- 38 \_\_\_\_\_
- 39 \_\_\_\_\_
- 40 \_\_\_\_\_

Soalan		Markah
Bahagian A		
Bahagian B	1	
	2	
	3	
	4	
Jumlah Penuh		

**SULIT**